

19/09/2003

Mangsa rogol takut buat pengecaman

KOTA KINABALU: Seorang saksi perbicaraan kes dua anggota Batalion ke-16 Pasukan Gerakan Am (PGA) yang dituduh merogol seorang gadis berusia 13 tahun di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal, memberitahu Mahkamah Sesyen di sini semalam, mangsa enggan membuat pengecaman ke atas peserta kawad cam dengan alasan takut.

Saksi pendakwa, Asisten Komisioner Dennis Leong, berkata ketika pengecaman dilakukan pada 16 Disember 2002 di bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Kepyayan, mangsa enggan masuk ke bilik itu, sebaliknya bersembunyi di belakang pintu sambil berulang-ulang menyebut perkataan 'saya takut'.

Leong yang bertugas di Miri, Sarawak, berkata beliau datang ke Sabah selepas dimaklumkan oleh polis Sabah supaya melakukan kawad cam bagi mengendalikan kes rogol yang membabitkan anggota polis.

Katanya, sebelum kawad cam dilakukan, beliau terlebih dulu berjumpa dengan mangsa bagi menerangkan tujuan sebenar pengecaman itu.

Leong menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Dasuki Mokthar. Perbicaraan didengar Hakim Datuk Nurchaya Arshad.

Nurchaya juga memerintahkan supaya nama dan identiti mangsa tidak didedahkan bagi menjaga kepentingan mangsa.

Mohd Fauzee Yahya, 34, dan Ahmad Nazri Zainurrdin, 33, kedua-duanya dari Perak, didakwa merogol gadis itu di Blok G, pusat tahanan berkenaan antara 27 Julai dan 14 Ogos tahun lalu.

Kedua-dua mereka yang sudah digantung kerja sejak 15 Januari lalu, didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan.

Mohd Fauzee yang juga tertuduh pertama diwakili peguam, Cedric Choo, manakala Ahmad Nazri diwakili James Tsai.

Kes membabitkan gadis itu mencetuskan kontroversi dan perbalahan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Manila kerana gadis terbabit pada mulanya didakwa warga negara Filipina.

Berikutan itu, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, mengutus surat bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kes rogol itu serta layanan buruk kepada pendatang tanpa izin dari negaranya.

Namun, hasil ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) mengesahkan gadis itu adalah rakyat Malaysia.

Bapanya adalah penduduk Sabah, manakala ibunya warga Filipina. Gadis itu dihantar pulang ke Kota Kinabalu pada 9 Disember tahun lalu, selepas dua bulan diletakkan dalam jagaan Jabatan Kebajikan dan Sosial Filipina.

Leong berkata, oleh kerana mangsa tidak mahu membuat pengecaman dan takut, beliau mengarahkan seorang pegawai polis wanita membawanya masuk ke sebuah bilik khas.

"Kira-kira lapan minit saya memberi isyarat kepada pegawai polis wanita itu supaya mangsa dibawa semula ke bilik gerakan namun mangsa masih enggan dan bersembunyi di belakang pintu sambil menyebut perkataan 'saya takut'.

"Berikutan itu, saya mengarahkan mangsa dibawa semula ke bilik khas untuk ditenangkan," katanya.

Perbicaraan bersambung hari ini.